

29/11/1998

Kempen dapat sambutan

KUALA LUMPUR: Kempen mengumpul tandatangan yang dianjurkan Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) terus mendapat sambutan dengan purata 1,000 borang diterima setiap hari.

Jurucakap parti itu berkata, semalam sehingga tengah hari saja kira-kira 600 borang diterima dan dijangka mencecah lebih 1,000 pada petang.

"Kita menganggarkan borang yang diterima menjangkau 60,000 sekarang," katanya.

Borang tandatangan yang dikumpul itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamd sebagai tanda bantahan rakyat terhadap kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore yang menyokong gerakan reformasi di negara ini.

(END)